

KENYATAAN MEDIA 'E-MEL BAYARAN BALIK PALSU' OLEH LHDNM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 22 Julai 2010 16:56

Kepada: UUM - All Staff, UUM All Student

22 JULAI 2010/10 SYAABAN 1431H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: BERIKUT disertakan maklumat berkaitan **Kenyataan Media 'E-Mel Bayaran Balik Palsu'** oleh **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)** daripada Jabatan Khidmat Korporat, LHDNM untuk perhatian semua:



KENYATAAN MEDIA

E-mel PALSU Bayaran Balik Cukai Terlebi Bayar

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menerima banyak panggilan dan pertanyaan berkenaan e-mel yang diterima oleh orang ramai daripada alamat Tax-Payment@hasil.gov.my berkaitan lebih cukai sebanyak RM700.00 yang boleh dikembalikan kepada mereka. Di sini LHDNM ingin memaklumkan serta mengesahkan bahawa e-mel tersebut adalah PALSU dan ia BUKAN dihantar oleh LHDNM.

Orang ramai yang menerima e-mel tersebut dinasihatkan untuk tidak membuka e-mel daripada alamat e-mel yang dinyatakan seperti di atas. Jika e-mel tersebut telah dibuka, mohon kerjasama untuk menghapuskannya serta tidak memberikan sebarang maklumbalas terhadap arahan yang terkandung di dalamnya.

Harap maklum bahawa setiap data dan maklumat pembayar cukai adalah dijamin selamat dalam simpanan LHDNM. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan berkaitan hal ini boleh diajukan kepada Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM di talian 1-300-88-3010 atau melalui e-mel callcentre@hasil.gov.my.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	21 Julai 2010
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010 www.hasil.gov.my

Page 1 of 1